

PESBUK 2026



© Penerbit UTHM
Terbitan Kedua 2026

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-950 7400/7658

Redaksi BITARA

Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat

Prof. Dr. Norzila binti Othman

Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita

Pejabat Penerbit - Pn. Sarena binti Kadeni,
Pn. Nurnisa Akila binti Abd Kadir,
Cik Farhana Afiqah binti Ismadi, Cik Nurhuda binti A Malik |
TRANSFORM - Dr. Zahrul Akmal bin Damin |
Cik Nor Azila binti Nor Azaman |
MyRIVET - En. Ahmad Khirul Nizam bin Ali |
RMC - En. Mohd Faiq bin Azhar |
ICRC - Dr. Nurul Nadia binti Adnan |
PE - Cik Maizatulazrina binti Yaakob |
ISWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol |
ICC - En. Mohd Raimi bin A. Samat |
MyREI - Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil bin Omar,
Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan,
Cik Emy Syafiqah Nadia binti Mohd Hamidi.

Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-09

Aktiviti Pejabat Penerbit

10-11

Aktiviti TRANSFORM

12-13

Aktiviti MyRIVET

14-15

Aktiviti RMC

16-17

Aktiviti ICRC

18-19

Aktiviti I²E

20-21

Aktiviti iSWAJ

22-23

Aktiviti ICC

24-25

Aktiviti MyREI

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel sarena@uthm.edu.my

Sekilas Pandang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita terus diberi kesempatan untuk menyaksikan perkembangan serta pencapaian membanggakan warga Pejabat Penerbit UTHM dalam memperkukuh peranan penerbitan sebagai pemangkin penyebaran ilmu dan inovasi.

Tahniah dan penghargaan saya rakamkan kepada seluruh warga Pejabat Penerbit UTHM serta pasukan Buletin Bitara yang sentiasa komited menghasilkan kandungan berkualiti dalam mengetengahkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan kecemerlangan universiti. Usaha ini bukan sahaja memperluas penyampaian maklumat, malah turut memperlihatkan sumbangan UTHM dalam pembangunan ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Sepanjang tahun 2026, pelbagai pencapaian telah dicapai melalui pengiktirafan di peringkat nasional serta penglibatan aktif dalam platform seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pesta Buku UTHM. Kejayaan ini membuktikan keupayaan Pejabat Penerbit UTHM dalam memperkasakan penerbitan akademik, kreativiti reka bentuk serta inovasi kandungan.

Seiring dengan aspirasi GTU2030, transformasi penerbitan melalui pendigitalan, akses terbuka dan pengantarabangsaan karya perlu terus diperkasakan agar hasil intelektual UTHM mampu mencapai khalayak lebih luas di peringkat global.

Semoga segala usaha dan komitmen yang dicurahkan menjadi inspirasi untuk terus mencipta kecemerlangan serta mengangkat nama UTHM sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan tinggi dan inovasi.

Sekian, terima kasih.

PROF. Dr. NORZILA binti OTHMAN

Pengarah

Pejabat Penerbit

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Pesta Buku UTHM 2026 (PESBUK 2026)



4 Mei 2026—PESBUK 2026 membuka tirai hari pertama dengan sambutan yang cukup meriah di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. PESBUK 2026 anjuran Pejabat Penerbit UTHM ini menghimpunkan pelbagai pempamer daripada institusi pengajian tinggi, agensi penerbitan serta syarikat buku tempatan, sekali gus menjadikan DSI sebagai pusat tumpuan pencinta ilmu dan buku dari seluruh Johor dan sekitarnya.

Sepanjang hari pertama, pengunjung disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk jualan dan pameran buku, slot sampingan seperti wakaf buku, permainan interaktif serta aktiviti santai berunsurkan literasi. Kehadiran pelajar sekolah, warga kampus dan masyarakat setempat jelas mencerminkan sambutan positif terhadap usaha memupuk budaya membaca.

Antara tarikan utama hari ini ialah Pertandingan Makerobot @PESBUK 2026 Peringkat Kebangsaan yang melibatkan penyertaan pelajar sekolah dari seluruh Johor. Lebih istimewa, edisi kali ini turut membuka ruang inklusif dengan penyertaan pelajar pendidikan khas, yang mempamerkan kreativiti dan kemahiran dalam bidang robotik serta inovasi.



Majlis Perasmian Penutupan PESBUK 2026

6 Mei 2026 – Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. Ts Dr. Rabiah binti Ahmad, FASc TNCPI UTHM kerana telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan PESBUK 2026 sekaligus menyampaikan Anugerah Apresiasi serta melancarkan buku-buku terbitan 2026



Bengkel Penulisan Artikel Penyelidikan E&E

11 Mei – Pejabat Penerbit berbesar hati menjadi urusetia bagi Bengkel Penulisan Artikel Penyelidikan E&E anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Bengkel ini memberi panduan kepada para peserta untuk meningkatkan kualiti penulisan serta kebolehterimaan artikel penyelidikan untuk terbitan jurnal. Tidak hanya memfokuskan teknik penulisan, peserta juga didedahkan dengan pemanfaatan teknologi AI untuk penyampaian ilmu yang berterusan dalam memartabatkan mutu penyelidikan dan penerbitan akademik pada masa hadapan.



PBAKL 2026 **Republika Merah Bicara Buku**



1 Jun 2026 - Sebuah program bual bicara bedah buku bertajuk Khazanah Kelulut Permata Alam berjaya menarik perhatian peserta di PBAKL bertempat Dewan Tun Dr. Ismail, WTC. Program bedah buku ini berkongsi ilmu berkaitan manfaat, keunikan dan potensi madu kelulut. Program dikendalikan oleh Dr. Nurhafiza Hamzah selaku moderator, manakala Puan Noor Khazanah tampil sebagai panel yang membincangkan kandungan buku serta berkongsi pengalaman berkaitan penghasilan dan penggunaan madu kelulut. Menariknya, moderator turut berpeluang merasai perbezaan beberapa jenis madu yang dibawa bagi memahami ciri, rasa dan keistimewaan setiap jenis madu. Program diharap memberi pendedahan kepada peserta mengenai nilai ilmu, penyelidikan serta kepentingan madu kelulut dalam kehidupan seharian.



PBAKL 2026 **Telaah Bicara Buku**

1 Jun 2026 - Sebuah bual bicara bedah buku anjuran Telaah KPM bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail, WTC sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur bersama MAPIM yang membawa buku bertajuk Fiqh Zakat telah menghimpunkan pengunjung PBAKL bagi memperkukuh kefahaman mengenai konsep dan aplikasi zakat menurut syariat Islam. Program ini dikendalikan oleh Sayed Munawar selaku moderator, manakala sesi perkongsian disampaikan oleh Ustaz Ahmad Husni Abdul Rahman dan Ustaz Muhammad Furqan Abdullah sebagai panel. Perbincangan memfokuskan kandungan buku, isu-isu semasa berkaitan zakat serta kepentingan penghayatan ilmu fiqh dalam kehidupan masyarakat. Program berlangsung dalam suasana interaktif apabila moderator dengan lancar membandingkan dan menghubungkan isu fiqh yang muncul ketika zaman Nabi Muhammad dan masa kini, sekali gus menyemarakkan budaya ilmu serta amalan membaca dalam kalangan masyarakat.



PBAKL 2026



7 Jun 2026 – Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh petugas Penerbit UTHM, warga kerja Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) serta para pengunjung reruai Penerbit UTHM yang telah memeriahkan dan memberikan sokongan sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2026 yang berlangsung dari 29 Mei hingga 07 Jun 2026.

Penghargaan atas komitmen, kerjasama, semangat dan sokongan anda semua yang telah menyumbang kepada kejayaan penyertaan Penerbit UTHM pada tahun ini. Setiap kunjungan, pembelian, perkongsian idea dan sokongan yang diberikan amat bermakna buat kami. Semoga segala usaha yang dicurahkan menjadi kenangan manis dan pemangkin untuk terus menyemarakkan budaya ilmu serta membaca dalam kalangan masyarakat.

Jumpa lagi di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2027!





Bengkel Bab dalam Buku

23 Jun 2026 – Pejabat Penerbit telah menyertai Bengkel Bab dalam Buku anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) bertempat di Bilik Mesyuarat FKAAB.

Sesiperkongsian ini disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Azwan bin Sapit, Timbalan Pengarah Pejabat Penerbit, dengan fokus untuk memberikan penerangan mendalam berkaitan aliran dan proses penerbitan bab dalam buku serta membimbing para editor memahami standard dan format penulisan, seterusnya membantu mereka menyiapkan draf dengan lebih berkesan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak FKAAB atas penganjuran bengkel ini yang diharap dapat memantapkan lagi pemahaman para editor, seterusnya memperkasakan kualiti penerbitan penulisan ilmiah.



Penarafan World Top 5% Scientists oleh Scirank Global Registry 2025

3 Julai 2026 - Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada Profesor Dr. Norzila binti Othman, Pengarah Penerbit UTHM, atas pengiktirafan sebagai *World's Top 5% Scientist*.

Pencapaian yang membanggakan ini merupakan pengiktirafan terhadap kecemerlangan, komitmen serta sumbangan berterusan beliau dalam bidang penyelidikan, penerbitan ilmiah dan sumbangan berimpak tinggi di peringkat antarabangsa.

Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga universiti untuk terus mengorak langkah ke arah kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi.

Ikhlas daripada Seluruh Warga Pejabat Penerbit UTHM.



Bengkel High Impact Journals through Editor Leadership and AI

17-19 Julai 2026 - Unit Jurnal, Prosiding dan Pengindeksan telah menganjurkan Bengkel *High Impact Journals through Editor Leadership and AI* di Pacific Regency Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel yang menghimpunkan para editor jurnal berindeks Scopus ini bertindak sebagai platform perbincangan strategik dalam usaha meningkatkan kualiti penerbitan jurnal berasaskan piawaian antarabangsa, memupuk kefahaman editor terhadap perubahan serta keperluan semasa penerbitan serta menyelaraskan hala tuju dan proses kerja agar sentiasa seiring dengan visi dan misi Pejabat Penerbit.

Pengisian bengkel ini dimantapkan lagi dengan sesi perkongsian ilmu daripada Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), yang mengupas peranan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) dalam penerbitan ilmiah.

Turut memberikan perkongsian berharga ialah Prof. Dr. Norzila binti Othman (Pengarah Penerbit) dan Prof. Madya Dr. Azwan bin Sapit (Timbalan Pengarah Pejabat Penerbit) yang berkongsi aplikasi praktikal penggunaan AI dalam pengurusan penerbitan.

Penganjuran bengkel ini diharap dapat memantapkan pemikiran dan persediaan para editor untuk mendepani arus pemodenan penerbitan, seterusnya memperkasakan keterindeksan serta meningkatkan impak sitasi jurnal universiti.



Anugerah Bitara Kirana tahun 2026

23 Julai 2026 - Penerbit UTHM mengucapkan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada Cik Nurilmiah binti Ahmad (Pembantu Tadbir (P/O) N1), penerima Anugerah Khas Panel Pembangunan Sumber Manusia, Puan Norafiza binti Abdul Rahman (Penolong Pegawai Tadbir N5), penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Prof. Norzila binti Othman penerima Anugerah Penyelia Cemerlang dan En. Idris bin Hj. Johar (Penolong Pegawai Seni Reka Kanan B6) penghargaan untuk pesara di Majlis Anugerah Bitara Kirana UTHM 2026. Semoga dengan penganugerahan ini dapat menyuntik jiwa dan menyemarakkan lagi semangat penerima anugerah dan rakan staf lain dalam memberikan perkhidmatan terbaik buat universiti dan masyarakat.

Lawatan Penanda Aras TRANSFORM UTHM ke Pusat Kokurikulum, UUM dan UniMAP

6 April 2026 - TRANSFORM, UTHM telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 5 April 2026 dan seterusnya pada 6 April 2026 pula ke Pusat Kokurikulum, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) .

Lawatan ini dilaksanakan di bawah Geran Penyelidikan bertajuk “Amalan Terbaik Badan Beruniform di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (J016)” dengan tujuan meneliti dan mengenal pasti amalan terbaik dalam aspek pengurusan serta pelaksanaan aktiviti badan beruniform.

Di samping itu, lawatan tersebut turut menjadi platform bagi perkongsian pengalaman dan pertukaran idea antara kedua-dua institusi dalam usaha memperkukuh pelaksanaan program kokurikulum serta pembangunan badan beruniform di UTHM.



Bengkel Validasi Penyelidikan bagi Kajian Penglibatan Staf UTHM dalam Sukan dan Implikasi terhadap Tadbir Urus UTHM

16-18 April 2026 - TRANSFORM, UTHM telah berjaya menganjurkan Bengkel Validasi Penyelidikan bagi Kajian Penglibatan Staf UTHM dalam Sukan dan Implikasi Terhadap Tadbir Urus UTHM (J094) bertempat di Grand Swiss-Belhotel Melaka.

Bengkel ini diadakan untuk membentangkan dan mengesahkan laporan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis dokumen, soal selidik dan temubual berkaitan penglibatan staf UTHM dalam aktiviti sukan serta implikasinya terhadap tadbir urus universiti.



Kejohanan Olahraga kali ke-46 Tahun 2026 Anjuran Sekolah Kebangsaan Seri Kencana, Simpang Renggam

21 Mei 2026 - TRANSFORM, UTHM telah terlibat dalam menjayakan Kejohanan Olahraga Kali Ke-46 Tahun 2026 anjuran Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kencana pada 21 Mei 2026.

Penganjuran program ini menjadi platform dalam memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan serta dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pihak sekolah, komuniti dan UTHM.

Semoga jalinan kerjasama yang terhasil melalui program seperti ini dapat diteruskan demi melahirkan komuniti yang aktif, harmoni dan berdaya saing pada masa akan datang.



Program Khidmat Komuniti Dan Lawatan Kerja Akademik daripada Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia

19-20 Jun 2026 - TRANSFORM, UTHM dengan kerjasama FPTP, UTHM serta Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia telah berjaya menganjurkan Program Khidmat Komuniti dan Lawatan Kerja Akademik pada 19 dan 20 Jun 2026.

Pada 19 Jun 2026, Program Khidmat Komuniti telah dilaksanakan di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Bekok. Program ini melibatkan pelbagai aktiviti yang memberi penekanan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, di samping memupuk semangat sukarelawan dalam kalangan peserta.

Seterusnya, pada 20 Jun 2026 telah berlangsung Program *Knowledge and Skills Transfer* yang melibatkan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bekok dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampong Kudung. Program ini memberi pendedahan kepada para pelajar melalui perkongsian ilmu, pembangunan kemahiran dan aktiviti pembelajaran yang interaktif serta berimpak tinggi.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkukuh jaringan kerjasama antara institusi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa, di samping memupuk semangat sukarelawan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta. Program ini juga berperanan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar serta menyumbang kepada pembangunan komuniti setempat melalui perkongsian ilmu, pemindahan pengetahuan dan pengembangan kemahiran yang bermanfaat.



Perbincangan Kolaboratif bersama Naib Canselor University of Vocational Technology (UoVT), Sri Lanka

1 April 2026 - Satu sesi perbincangan kolaboratif telah diadakan bersama Profesor K.M.G. Prasanna Premadasa, Naib Canselor *University of Vocational Technology* (UoVT), Sri Lanka, serta barisan pengurusan tertinggi universiti tersebut. Pertemuan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan institusi antara UTHM dan UoVT, dengan kedua-dua pihak menyatakan hasrat untuk memformalkan kerjasama melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).

MyRIVET telah diwakili oleh Prof. Ts. Dr. Lai Chee Sern, Timbalan Pengarah MyRIVET, yang mengetuai perbincangan bagi pihak UTHM. Sesi ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), khususnya dalam aspek penyelidikan, pembangunan kapasiti, mobiliti akademik, perkongsian kepakaran serta penganjuran program dan persidangan antarabangsa.

Sesi perbincangan ini merupakan satu langkah signifikan ke arah mewujudkan kerjasama strategik dan mampan, khususnya bagi menyokong penganjuran iCREATIVE 2026: *International Conference on Research in Technological and Vocational Education* yang bertemakan "Human Stories to Innovations: Fostering Emerging Skills".




Penyertaan MyRIVET UTHM dalam Hari TVET Negara 2026

7 Jun 2026 - MyRIVET, UTHM telah menyertai Hari TVET Negara 2026 yang berlangsung pada 5 hingga 7 Jun 2026.

Program berprestij peringkat kebangsaan ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, sekali gus menzahirkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh agenda Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama pembangunan modal insan berkemahiran tinggi serta pertumbuhan ekonomi negara.

Penyertaan MyRIVET UTHM dalam program ini mencerminkan komitmen institut untuk menyokong aspirasi nasional dalam memperkasakan ekosistem TVET melalui penyelidikan, inovasi, pembangunan dasar serta jaringan kolaboratif dengan pelbagai pihak berkepentingan. Hari TVET Negara 2026 turut menjadi platform strategik bagi mempromosikan inisiatif MyRIVET, memperluaskan jaringan kerjasama, serta berkongsi kepakaran dan amalan terbaik dalam memperkukuh landskap TVET di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Program EcoHydro STEM Camp Lake Discovery @ UTHM UNESCO Ecohydrology Demonstration Site 2026

20 Jun 2026 - Program EcoHydro STEM Camp Lake Discovery @ UTHM UNESCO Ecohydrology Demonstration Site 2026 telah berjaya menghimpunkan seramai 75 orang pelajar dan guru daripada tiga buah sekolah menengah di daerah Batu Pahat, iaitu SMK Tunku Mahmood Iskandar, SMK Senggarang, dan SMK Sri Gading.

Program berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ini mengintegrasikan elemen biodiversiti, ekohidrologi, kelestarian alam sekitar serta pembelajaran luar bilik darjah bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta terhadap kepentingan pemeliharaan sumber semula jadi.

Melalui pelbagai aktiviti interaktif dan pembelajaran berasaskan pengalaman, para peserta didedahkan kepada konsep ekohidrologi, pemuliharaan ekosistem air tawar, serta amalan pembangunan lestari yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Program ini turut memperkukuh peranan UTHM UNESCO Ecohydrology Demonstration Site sebagai pusat pembelajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu kepada komuniti, khususnya dalam memupuk generasi muda yang peka terhadap isu-isu alam sekitar dan kelestarian.



Bengkel AI Amplified TVET Educator Anjuran MyRIVET dengan Kerjasama UNESCO Chair

24 Jun 2026 - MyRIVET, UTHM telah berjaya menganjurkan Bengkel AI Amplified TVET Educator pada 23 hingga 24 Jun 2026.

Bengkel ini dianjurkan dengan kerjasama UNESCO Chair on TVET Educators, UTHM serta UNESCO Chair for Harnessing Innovations in Technology to Support Teachers and Quality Learning, Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Malaysia.

Program ini bertujuan memperkasakan pendidik TVET dengan pengetahuan dan kemahiran dalam memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan inovasi pendidikan. Bengkel ini turut menjadi platform perkongsian kepakaran, amalan terbaik serta penerokaan aplikasi AI dalam memperkukuh kompetensi pendidik TVET agar kekal relevan dengan keperluan pendidikan dan industri masa hadapan.

Penganjuran bengkel ini mencerminkan komitmen MyRIVET dan rakan strategiknya dalam memperkasa transformasi digital pendidikan TVET melalui kolaborasi antarabangsa, inovasi teknologi dan pembangunan kapasiti pendidik sejajar dengan aspirasi UNESCO serta agenda pembangunan mampan.



Mesyuarat Penutup Hasil Audit Dalam MyRA®2025 UTHM

1 April 2026 - RMC, UTHM telah mengadakan Mesyuarat Penutupan Hasil Audit Dalam Malaysia *Research Assessment* 2026 bagi data tahun 2025 (MyRA® 2025) bertempat di Dewan Jemaah, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah.

Mesyuarat ini merupakan kemuncak kepada pelaksanaan Program Audit Dalam MyRA® 2025 yang telah dijalankan pada 5 Mac 2026, sebagai satu langkah strategik dalam memastikan ketepatan, ketelusan serta kebolehpercayaan data sebelum dikemukakan ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pembentangan rumusan dan dapatan audit telah diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Rosziati binti Ibrahim selaku Ketua Auditor, bersama barisan auditor yang terdiri daripada Prof. Ts. Dr. Mohd Farhan bin Md. Fudzee, Prof. Ir. Dr. Mohd Amri bin Lajis, Prof. Ts. Dr. Amir bin Khalid dan Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed.

Sesi ini telah dibentangkan kepada Naib Canselor UTHM, Prof. Ts. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, serta turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, FASc.

Mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan UTHM dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan yang berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi kecemerlangan universiti dalam penarafan nasional dan antarabangsa. Dapatan audit yang dibentangkan bukan sahaja menjadi penanda aras prestasi semasa, malah berperanan sebagai pemacu strategik ke arah penambahbaikan berterusan dan peningkatan daya saing institusi.

RMC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga, kepakaran dan komitmen dalam menjayakan proses audit ini dengan jayanya.



Persidangan Public-Private Research Network (PPRN)



7 April 2026 - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan Persidangan *Public-Private Research Network* (PPRN) pada 7 April 2026 bertempat Wyndham Grand Bangsar Kuala Lumpur. Persidangan ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul kadir, Menteri Pengajian Tinggi.

Persidangan ini dijayakan oleh dua (2) pempamer terpilih yang diketuai oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali yang juga merupakan Naib Canselor UTHM dan Prof. Madya Dr. Balkis binti Haji A. Talip. Pameran turut dijayakan dengan kerjasama bersama penyelidik adalah wakil industri yang diketuai oleh Dato' Hj. Muhazli bin Hj. Muhamad, *Glide Technology Sdn Bhd* dan Puan Hazian binti Saleh, *Synergy One Holding Sdn Bhd*. Pameran ini sebagai usaha kolaboratif dalam mengetengahkan impak penyelidikan antara UTHM dan industri kepada negara.

BDP Anjur Bengkel Pemantauan Projek PPRN 2.0

13 Mei 2026 - Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) telah melaksanakan Bengkel Pemantauan Projek *Public-Private Research Network* (PPRN) 2.0 Sesi 1/2026 pada 11 hingga 13 Mei lalu di Hotel Zenith, Putrajaya.

Bengkel tersebut menyaksikan pembentangan dua (2) geran projek UTHM bersama wakil industri yang diterajui oleh Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin dan Prof. Madya Dr. Balkis binti Haji A. Talip. Sesi penutupan bengkel tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Bahagian TSUB(D) SDS, Puan Kamaliah binti Basir bagi memantau kemajuan serta memperkukuh kolaborasi strategik antara sektor akademik dan industri.



Pemeriksaan Aset dan Inventori (Sumber Geran Penyelidikan) bagi Tahun 2026 di UTHM Kampus Induk

18 Mei 2026 - Pemeriksaan aset dan inventori (sumber geran penyelidikan) bagi tahun 2026 di UTHM Kampus Induk telah dijalankan oleh Pengarah pusat bersama Pegawai Bahagian Pentadbiran Kewangan, RMC.

Objektif program ini adalah untuk memantau tahap pematuan peraturan pengurusan aset, mengesahkan kewujudan fizikal harta, serta menilai keadaan dan prestasi semasa aset tersebut.

Prosedur pemantauan dan pemeriksaan ini penting dan dilaksanakan secara berkala untuk mencapai matlamat berikut:

- Mengesahkan Lokasi: Memastikan setiap aset benar-benar berada di lokasi yang sepatutnya seperti yang didaftarkan.
- Menilai Keadaan Fizikal: Mengetahui keadaan, fungsi, dan prestasi sebenar aset (sama ada ia boleh digunakan dengan baik, memerlukan penyelenggaraan, atau perlu dilupuskan).
- Mencegah Kehilangan atau Kecurian: Bertindak sebagai langkah kawalan dalaman bagi mengelakkan berlakunya kehilangan, kerosakan, atau penyalahgunaan harta awam.

Sesi tersebut telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama daripada penyelidik; Prof Madya Ir. Dr. Herdawatie binti Abdul Kadir dan Prof. Madya Dr. Jamaludin bin Jalani dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) serta Dr. Zuan Azhary bin Mohd Salleh dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).



Perbincangan Permohonan Windows Server Baru Bagi Install TOAD Oracle dan Storan Dokumen Penyelidikan

18 Jun 2026 - RMC, UTHM telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak PTM berkaitan permohonan *Windows Server* baharu bagi pemasangan *TOAD Oracle* dan storan dokumen penyelidikan pada petang tersebut.

Perbincangan ini bertujuan meneliti keperluan sistem dan infrastruktur yang dapat menyokong pengurusan data penyelidikan secara lebih cekap, teratur dan selamat, selaras dengan usaha memperkukuh ekosistem penyelidikan universiti.



Program Pemindahan Ilmu STEM UTHM di SJKC Hwa Nan

8 April 2026 - ICRC, UTHM dengan kerjasama Pusat Industri IEM *Fraunhofer Innovationlabs.my* telah menganjurkan Program Pemindahan Ilmu (KTP) di SJKC Hwa Nan, Batu Pahat.

Program yang turut melibatkan FKMP ini diketuai oleh Prof. Madya. Ir. Dr. Low Cheng Yee dan bertujuan memberi pendedahan awal kepada murid sekolah rendah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Seramai 100 orang murid Tahun Lima dan Enam telah terlibat dalam aktiviti interaktif termasuk pengendalian robot *Scuttle Bot Lite* serta demonstrasi teknologi pencetak 3D FDM dan SLA.

Pelaksanaan program ini berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta meningkatkan minat dan kefahaman murid terhadap teknologi dan inovasi. Inisiatif ini selari dengan usaha UTHM dalam memperkasa pendidikan STEM melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP) bagi melahirkan generasi inovator masa hadapan.



Kursus Kepimpinan Institusi: Jaringan Industri dan Masyarakat di AKEPT

4-6 Jun 2026 - UTHM telah menyertai Kursus Kepimpinan Institusi: Jaringan Industri dan Masyarakat anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung selama tiga hari di AKEPT. Delegasi UTHM diwakili oleh Timbalan Naib Canselor, Prof. Ts. Rabiah binti Ahmad, bersama Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin dan Dr. Raden Farhan. Program ini menghimpunkan pemimpin IPT dan wakil industri dari GITC dan MIGHT bagi memperkukuh kerjasama *quadruple helix* (universiti, industri, kerajaan, dan komuniti). Sepanjang kursus, peserta didedahkan dengan wacana strategik mengenai peranan universiti sebagai pemangkin pembangunan ekonomi berasaskan inovasi, teknologi, dan pembangunan bakat untuk masa hadapan.



Program Gerak Mesra Zon 14 & KARISMA Komuniti UTHM 2026



4 Julai 2026 - UTHM telah menganjurkan Program Gerak Mesra Zon 14 & KARISMA Komuniti bertempat di Taman Universiti, Parit Raja. Program ini padat dengan pelbagai pengisian interaktif dan inovatif bersama masyarakat termasuk Demonstrasi Makerobot, AI & AR Matematik, Pameran *KidSafe*, inisiatif Baja Kompos, pameran Herba & Nutrasedutikal, serta inisiatif kitar semula penghasilan sabun daripada minyak masak terpakai. Selain itu, program ini turut dimeriahkan dengan Hiasan Kek Cawan, Demonstrasi Barista, dan Jelajah Jom Cakna Kiblat. Turut mendapat sambutan hangat adalah tawaran penukaran minyak hitam percuma untuk motosikal 150cc ke bawah bagi 150 peserta terawal, sekali gus mengeratkan lagi hubungan mesra antara pihak universiti dan komuniti setempat.



Kunjungan Hormat dan Perbincangan Strategik bersama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor dan Yayasan Sultan Ibrahim Johor

7 Julai 2026 - ICRC, UTHM telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke Pejabat Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor yang diketuai oleh Pengarah ICRC, PM Ts. Dr. Faridah binti Kormin, bersama Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan UTHM serta wakil-wakil ICRC. Delegasi telah disambut oleh Pengurus Kanan Program & Tugas Khas Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor (YRZSNJ) dan Pengurus Kanan Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ). Sesi perbincangan strategik ini memberi tumpuan kepada cadangan penganjuran Majlis Hi-Tea Amal Diraja UTHM, merangkumi bentuk kerjasama, penyelarasan gerak kerja, penglibatan penaja, serta perancangan program bagi menjayakan agenda kebajikan dan pembangunan komuniti.



Empowerment Workshop On ICP Implementation with TDA

28-29 April 2026 - Pusat Kecemerlangan Industri Rel (ICoE-Rail) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nor Aziati binti Abdul Hamid telah menyertai satu bengkel pemeraksanaan pelaksanaan *Industrial Collaboration Program* (ICP) yang dianjurkan oleh *Technology Depository Agency* (TDA) serta agensi-agensi berkaitan yang terlibat secara langsung dalam proses ICP.

Bengkel ini memberi tumpuan kepada tiga kluster utama, khususnya Pembangunan Modal Insan dan Pemindahan Teknologi. Penekanan turut diberikan kepada aspek pengukuran impak ICP yang perlu dipertingkatkan, bukan sekadar menilai berdasarkan bilangan aktiviti semata-mata.

Inisiatif penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan oleh TDA merupakan usaha penting kerana ia memberi kesan langsung kepada pembangunan rakyat dan ekonomi negara melalui projek-projek yang dijalankan di Malaysia.



11 Mei 2026 - I²E yang dipimpin oleh Profesor Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad telah mengalu-alukan kehadiran professor pelawat dari Kure Kosen, Jepun ke Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC), Dr. Daisuke Tanikawa bermula 11 Mei 2026 sehingga 5 Mac 2027. Turut hadir adalah Ketua Pusat MPRC, Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed.

Lantikan professor pelawat di MPRC ini memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama antarabangsa dalam bidang penyelidikan, akademik, pertukaran pelajar serta memupuk perkongsian ilmu antara Malaysia dan Jepun dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan inovasi. UTHM menantikan perbincangan yang bermanfaat, penyelidikan berimpak tinggi serta penglibatan yang memberi inspirasi. Semoga kolaborasi ini membawa manfaat berpanjangan kepada kedua-dua institusi dan menyumbang kepada kecemerlangan akademik global.

Profesor Pelawat Kure Kosen, Jepun ke UTHM



UTHM Retrofitting Training Programme 2026: Digital Solution For Legacy Cnc Machine Towards Smart Manufacturing

11-12 Mei 2026 - Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC) yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Yusri bin Yusof dengan jayanya telah menganjurkan “UTHM Retrofitting Training Programme 2026: Digital Solution for Legacy CNC Machine Towards Smart Manufacturing” bertempat di Makmal Digital Manufacturing Technology (DMT), Blok F6, UTHM.

Program ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan geran IMAP yang merealisasikan usaha menaik taraf mesin CNC industri keluaran tahun 1992 kepada sistem moden selari dengan keperluan *Smart Manufacturing* dan *Industry 4.0*. Mesin legasi tersebut kini dilengkapi dengan integrasi sistem digital, automasi serta pemantauan pintar.

Lebih membanggakan, projek ini bukan sahaja menghidupkan semula mesin lama dengan kos yang jauh lebih rendah berbanding pembelian mesin baharu, malah turut berjaya melaksanakan analisis dan pemantauan *Overall Equipment Effectiveness* (OEE) bagi meningkatkan kecekapan operasi, produktiviti dan kebolehppercayaan mesin.

Inisiatif ini membuktikan bahawa kepakaran tempatan melalui kolaborasi universiti-industri mampu menghasilkan penyelesaian inovatif dan lestari dalam bidang pembuatan pintar. Ia juga menjadi platform penting bagi pembangunan bakat TVET, latihan *hands-on*, penyelidikan gunaan serta pemerkasaan teknologi *retrofitting* CNC di Malaysia.



Program: Soil Laboratory Equipment Maintenance, Calibration & Troubleshooting Workshop

23–24 Jun 2026 - Pusat Penyelidikan Tanah Lembang UTHM (RECESS) telah menganjurkan *Soil Laboratory Equipment Maintenance, Calibration & Troubleshooting Workshop* di Politeknik Port Dickson bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf dalam penyelenggaraan, penentukuran (calibration) dan penyelesaian masalah (troubleshooting) peralatan makmal geoteknik. Program ini turut menekankan kepentingan pengurusan peralatan yang sistematik bagi memastikan ketepatan keputusan ujian dan pematuhan kepada standard makmal.

Program yang diketuai oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Adnan bin Zainorabidin serta dibantu oleh Ir. Ts. Dr. Zeety binti Md Yusof dan Tc. Amirzaki bin Salikin memberi pendedahan mengenai penyelenggaraan, penentukuran dan amalan terbaik pengurusan peralatan makmal geoteknik. Peserta turut menjalankan aktiviti *troubleshooting* bagi mengenal pasti punca kerosakan serta kaedah pembaikan asas.

Program ini membantu meningkatkan pemahaman peserta terhadap prosedur teknikal, memperkukuh kualiti pengajaran, pembelajaran dan operasi makmal, di samping mengeratkan kerjasama antara universiti dan politeknik melalui perkongsian ilmu serta kepakaran.




Penilaian pelaksanaan piawai pengiktirafan tahfiz Malaysia (STPM) ke-6 Madrasah Tahfiz Johor Terpilih

14 April 2026 – Sektor Jemaah Nazir, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah menganjurkan sesi Penilaian Pelaksanaan Piawai Pengiktirafan Tahfiz Malaysia (STPM) yang melibatkan enam buah madrasah tahfiz terpilih di seluruh negeri Johor. Langkah proaktif ini dilaksanakan bagi memantapkan kualiti tadbir urus, sistem pengajian, serta memastikan institusi tahfiz tempatan mencapai standard piawaian pengiktirafan yang ditetapkan di peringkat kebangsaan.

Pelaksanaan penilaian ini diperkasa menerusi penglibatan pakar akademik daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai Panel Penilai Johor Tahfiz Quality Assurance (JTQA). Dalam sesi tersebut, Dr. Muhammad Suhaimi telah ditugaskan untuk menjalankan penilaian di Madrasah Al-Hafizah Saidatina Khadijah, Kampung Sungai Balang Laut Surah, Muar, manakala Dr. Nur Zainatul Nadra pula melaksanakan penilaian di Maahad Tahfiz Pendidikan An-Nur, Seri Medan, Batu Pahat.

Kerjasama strategik antara JAINJ dan UTHM menerusi kerangka JTQA ini menjadi titik tolak penting dalam penandaarasan jaminan kualiti institusi tahfiz secara menyeluruh. Menerusi penilaian STPM ini, madrasah-madrasah terpilih dijangka dapat meningkatkan kecekapan pengurusan serta prasarana secara berterusan, sekali gus memartabatkan imej pendidikan tahfiz di Johor dan melahirkan huffaz yang berketrampilan serta berdaya saing.



Program Jatidiri Murid Dan Pemantapan Akidah di Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar (SKDOJ)

20 April 2026 - iSWAJ, UTHM dengan kerjasama Panitia Pendidikan Islam, Sekolah Rendah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar telah menjalankan Siri Program Pemindahan Ilmu : Pemantapan Akidah kepada 134 murid Tahun 6. Program ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran murid dalam pengetahuan Akidah melalui sesi perkongsian ilmu melalui 3 modul dan aktiviti dalam kumpulan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Penyelidikan & Penerbitan iSWAJ; Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol bersama 8 fasilitator.

Penyampaian modul secara ilmiah telah berjaya menarik minat murid untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkara yang boleh merosakkan akidah. Pada majlis penutup, GPK HEM SKDOJ; Puan Roslinda Md Noh telah menzahirkan ucapan penghargaan kepada UTHM kerana bekerjasama dengan SKDOJ dalam menjayakan program pemindahan ilmu bagi tujuan pemantapan akidah murid selaras hasrat melahirkan murid yang kuat pegangan akidahnya dan tinggi akhlakunya.



Halal Camp 2026: Halal International Training Course

10 Mei 2026 - Sejalan dengan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Malaysia sebagai Hab Halal Global, iSWAJ UTHM buat pertama kali telah menganjurkan Kursus Persijilan Halal Antarabangsa. Program yang dinamakan HALAL CAMP 2026 ini menerima penyertaan khusus dari Uzbekistan selama 14 hari bermula 27 April hingga 10 Mei 2026. Seramai tiga orang tenaga pengajar akademik daripada Bukhara State Technical University (BSTU), iaitu Dr. Komil Shokirov, Assoc. Prof. Dr. Gulinoz Ruziyeva dan Dr. Khilola Jafarova hadir sebagai delegasi utama.

Program latihan ini memberi pendedahan berkaitan ekosistem halal dan pelancongan di Malaysia, termasuk pemahaman standard halal Malaysia, prosedur pensijilan halal antarabangsa serta amalan terbaik industri halal global. Antara pengisian ialah lawatan akademik ke *Islamic Tourism Centre* (ITC), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Majlis penutup Halal Camp 2026 disempurnakan oleh Prof. Dr. Muhammad Ramlee bin Kamarudin yang mewakili Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI).



Program Mobiliti Antarabangsa Outbound Program Eksekutif Imam Profesional Kohot 7

16–17 Mei 2026 - Singapura, iSWAJ, UTHM dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Masjid & Surau, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Bahagian Korporat, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah melaksanakan Program Pembelajaran Praktikal Kepimpinan Rentas Sempadan: Integrasi Pengurusan Masjid & Komuniti melibatkan pelajar Program Eksekutif Imam Profesional Kohot 7 di Masjid Temenggong Daeng Ibrahim, Singapura.

Program mobiliti antarabangsa ini merupakan julung kali diadakan sejak 2018. Pengisian meliputi ucpatama, Modul Pengurusan Masjid, Kuliah Maghrib, latihan Azan & Iqamah, Modul Pengurusan Komuniti: Topik Umrah dan Haji serta lawatan ilmiah ke Masjid Temenggong Daeng Ibrahim, Masjid Sultan dan Masjid Al-Falah, Singapura. Delegasi iSWAJ diketuai oleh Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli, Pengarah iSWAJ. Turut hadir Dr. Nur Zainatul Nadra bt Zainol, Ketua Jabatan Penyelidikan & Penerbitan dan juga pegawai-pegawai daripada MAINJ dan JAINJ.



Penglibatan iSWAJ dalam Program Motivasi Mantapkan Sahsiah Murid



8 Julai 2026 – iSWAJ, UTHM bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Linau telah menganjurkan Program Motivasi dan Pembangunan Diri Murid Tahap 2 bagi memperkukuh sahsiah, keyakinan diri serta potensi murid secara holistik. Program yang melibatkan 80 murid Tahun 4 hingga Tahun 6 ini bertujuan memupuk disiplin, menyemai nilai-nilai murni dan membina jati diri. Pengisian utama ialah ceramah “Kenali Potensi Diri” oleh Ts. Dr. Zurina Yasak dan slot “Anak Yang Baik Lagi Cerdik (ABC)” oleh Prof. Madya Dr. Khainunesa bin Isa. Majlis penutup disempurnakan oleh Guru Besar SK Sungai Linau, YBhg. Puan Norazlina binti Mohamad. Program ini berjaya menyemarakkan motivasi murid serta memperkukuh hubungan kolaboratif antara sekolah dengan institusi pengajian tinggi.

ASIA WATER Expo & Forum 2026

10 April 2026 – UTHM telah menyertai ASIA WATER Expo & Forum 2026 yang berlangsung dari 7 hingga 9 April 2026 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Acara bertaraf antarabangsa ini menghimpunkan pempamer global bagi memperkukuh jaringan strategik serta memperkenalkan inovasi teknologi rawatan air dan pengurusan sumber asli. UTHM menghantar dua penyelidik sebagai pempamer utama, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan bin Sahdan dengan inovasi *Containerized Water Filtration System*, sebuah sistem penapisan air mudah alih berasaskan kontena yang dirancang untuk penyelesaian pantas dan efisien bagi bekalan air bersih. Manakala Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed yang memperkenalkan PiStraZn sebuah inovasi teknologi rawatan air/sisa air yang memfokuskan kepada keberkesanan rawatan melalui formulasi kimia atau material termaju. Kedua-dua inovasi mengetengahkan hasil penyelidikan selaras dengan keperluan pengurusan air lestari dan adaptasi perubahan iklim. Penyertaan ini mencerminkan komitmen UTHM dalam menerajui penyelidikan berimpak terhadap kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sejagat.



UTHM @ DSA & NATSEC ASIA 2026

21 April 2026 – Produk inovasi UTHM “New P-50T Practice Bomb for RMAF SU-30MKM” terpilih untuk dipamerkan di reruai MOHE di Defence Services Asia (DSA) & National Security (NATSEC) Asia 2026.

Hasil penyelidikan pakar dari FKMP ini berjaya menarik perhatian pengunjung serta pemain industri dalam bidang pertahanan dan keselamatan. Dengan tema “Enhancing Capabilities and Resilience Through Technology”, DSA 2026 menghimpunkan lebih 1,200 syarikat dari 60 negara — membuka ruang luas untuk kolaborasi dan inovasi ke peringkat global.



30 April 2026 – Tahniah diucapkan kepada Ts Dr Rafizah Mohd Hanifa, dari Pusat Pengajian Diploma atas penganugerahan pingat gangsa sempena Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2026 bagi kategori Nadi Kreatif (Hak Cipta).



Anugerah Khas di ITEX 2026: Reka Bentuk Inovasi Terbaik Global

22 Mei 2026 - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nor Haslinda binti Abas dan Ir. Ts. Dr. Tong Yean Ghing yang mewakili Profesor Madya Ts. Dr. Muhammad Fikri bin Hasmori dari FKAAB atas pencapaian meraih *JIPA Awards for Best Invention in Design* melalui produk inovasi *ResQHarness EVO*. Selain membawa pulang Pingat Emas, pengiktirafan daripada *Japan Intellectual Property Association* (JIPA) membuktikan rupa bentuk dan fungsi produk penyelidikan UTHM kreatif, praktikal serta berimpak tinggi untuk pasaran global. Pencapaian ini diraih dalam *37th International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX 2026) di KLCC, dengan UTHM mencatatkan rekod kutipan 100% pingat (4 Emas, 2 Perak) bagi produk bertanding bawah seliaan ICC. Pengarah ICC, Profesor Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan turut merakamkan ucapan syabas atas komitmen para penyelidik UTHM.



Penganjuran

International Research And Innovation Symposium Competition (RISE 2026)

22 Mei 2026 - UTHM terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju inovasi mampan menerusi penganjuran *International Research and Innovation Symposium Competition* (RISE 2026) di Dewan Sultan Ibrahim (DSI). Bertemakan "Innovating Sustainability and Transportation Beyond Boundaries," program yang berlangsung pada 10 dan 11 Jun 2026 sempena sambutan Hari TVET Negara mencatatkan rekod penyertaan tertinggi dengan menghimpunkan 400 produk penyelidikan dan inovasi di bawah tujuh kluster utama serta menarik kira-kira 2,000 pengunjung. Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTHM, YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, FASc. *RISE 2026* turut memperkukuh ekosistem pengkomersialan melalui penajaan dan pameran rakan industri.

Selain pertandingan, *RISE 2026* menjadi platform strategik yang memperkukuh ekosistem pengkomersialan melalui penajaan dan pameran daripada pelbagai rakan industri utama, antaranya AMNI Food Industries, Pantai Hospital Melaka, *Avitex Solution* (M) Sdn Bhd, dan *Prestige Wheels* (Chery & JAECOO). Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan UTHM dalam menterjemah hasil penyelidikan kepada teknologi yang berimpak tinggi demi kesejahteraan sejagat.



Latihan Pembangunan Laman Web MyREI

29 April 2026 - Latihan pembangunan laman web MyREI telah dijalankan selama dua hari pada 28 hingga 29 April 2026 di Bilik Mesyuarat Bangunan G7, UTHM dengan kerjasama MyREI. Sesi latihan ini disampaikan oleh En. Saiful Zaree bin Johar, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (TBK), Bahagian Teknologi Pendigitalan, PTM UTHM. Program ini bertujuan memperkukuh kemahiran pembangunan dan pengurusan laman web dalam kalangan peserta bagi menyokong penambahbaikan sistem digital MyREI.



Lawatan Tapak Kampus UTHM di Bandar Primer, Kluang

26 Mei 2026 - Satu lawatan tapak oleh MyREI, UTHM ke tapak cadangan Kampus UTHM di Bandar Primer, Kluang telah diadakan bagi meninjau keadaan semasa kawasan pembangunan serta mendapatkan gambaran awal mengenai potensi tapak untuk pembangunan kampus pada masa hadapan.

Lawatan ini disertai oleh wakil UTHM, penyelidik, serta pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan projek. Program ini bertujuan untuk menilai kesesuaian tapak dari aspek lokasi, aksesibiliti, kemudahan infrastruktur, keadaan fizikal kawasan serta faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi perancangan pembangunan kampus.

Sepanjang lawatan, wakil-wakil telah diberikan taklimat mengenai latar belakang projek, status semasa pembangunan kawasan Bandar Primer serta perancangan yang dicadangkan. Perbincangan turut memberi fokus kepada aspek pembangunan mampan, kemudahan pengangkutan, utiliti, penggunaan tanah dan potensi kawasan sebagai hab pendidikan yang mampu menyokong keperluan akademik, penyelidikan dan pembangunan komuniti.



Kemampuan Memiliki Rumah dalam Era Kos Sara Hidup Tinggi

11 Jun 2026 - MyREI telah menganjurkan Forum Harta Tanah 2026 sempena sambutan *Real Estate Week 8.0* bertempat di Big Stage, Aras 2, PTTA, UTHM. Forum bertemakan “Kemampuan Memiliki Rumah dalam Era Kos Sara Hidup Tinggi” menampilkan Puan Irene Lim Bee Khuan daripada CSS Strata Management, Kuala Lumpur serta Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Hasrol Aliasak dari UiTM Perak sebagai penceramah jemputan. Perbincangan mengupas impak kenaikan kos sara hidup terhadap kuasa beli pengguna serta pasaran hartanah domestik. Menurut Pengarah MyREI UTHM, Prof. Madya Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan, program ini bertujuan meningkatkan kefahaman peserta mengenai cabaran pemilikan rumah serta strategi ke arah kediaman mampan dan berdaya milik. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran barisan pengurusan tertinggi universiti dan dikoordinasi di bawah pengawasan Dr. Sabariah Eni selaku wakil urus setia MyREI.



Mengenali Penapis Sisa Air Domestik Menggunakan Biochar Buluh sebagai Agen Penyerap Lestari

18 Jun 2026 - MyREI, UTHM dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya (UM) dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) telah berjaya menganjurkan Program Kesedaran Masyarakat bertajuk “Mengenali Penapis Sisa Air Domestik Menggunakan Biochar Buluh Sebagai Agen Penyerap Lestari”. Program ini berlangsung secara fizikal di Kanzu Research, Blok G7, Kampus UTHM, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Dr. Farahin binti Mohd Jais, Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Para peserta terdiri daripada kakitangan *SWM Corporations* dan pelajar didedahkan dengan inovasi pengurusan air sisa domestik yang mampan melalui penggunaan biochar buluh sebagai agen penyerap mesra alam yang berpotensi diaplikasikan dalam pelbagai sektor komersial.

Melalui kerjasama strategik ini, MyREI dan rakan institusi berharap inovasi berasaskan biochar buluh dapat menyumbang kepada pemeliharaan sumber air komuniti serta mendokong aspirasi “Malaysia Madani” ke arah pembangunan negara yang lestari dan sejahtera.





UTHM
Universiti Teknologi Malaysia

Penerbit

TERBITAN TERKINI



**Dapatkan
Sekarang!!**

**Terjemahan
PERTAMA dalam
Bahasa Melayu!**



Global Technopreneur
University 2030



UTHM



UTHM TV



penerbitUTHM